



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
No. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915003  
Fax : 03-88915558

---

Rujukan Kami : JKT.D.100-1/3/2 Jld. 4( 7 )

Tarikh : 6 Jun 2012

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2012**

---

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGENALPASTIAN BAGI  
PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN *BROWNFIELD***

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan serta panduan mengenai Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield*.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2011 bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* dan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan ke-65 (MNKT Ke-65) pada 21 Mac 2012 juga telah

menimbangkan pemakaian garis panduan tersebut di Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENGENALPASTIAN BAGI PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN BROWNFIELD**

3. Garis panduan ini disediakan berdasarkan kepada kesedaran pihak Kerajaan Persekutuan dalam usaha pembangunan kawasan brownfield yang lebih sistematik. Keperluan pembangunan semula kawasan *brownfield* juga telah diberi penekanan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), khususnya di bawah strategi pembangunan bandar di mana bagi menzahirkan potensi yang terdapat dalam sesebuah bandar, pembaharuan dan pembangunan semula bandar di kawasan *brownfield* akan dilaksanakan. Pemakaian garis panduan ini akan memastikan kawasan *brownfield* dibangunkan semula dengan lebih teratur.

4. Pihak PBN dan PBT perlulah memastikan pemaju mematuhi garis panduan ini dalam melaksanakan pembangunan semula kawasan *brownfield*. Garis panduan ini telah menetapkan definisi, jenis-jenis kawasan *brownfield* dan pembangunan yang boleh dilaksanakan di kawasan tersebut. Garis panduan ini juga mengandungi garis panduan umum dan garis panduan khusus bagi setiap kategori *brownfield* dan keperluan membangun pangkalan data GIS dan aplikasi dalam perancangan. Maklumat lengkap garis panduan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

## **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

6. Pemakaian peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

## PERTANYAAN

7. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Blok Tanjung  
Jalan Cenderasari  
**50646, KUALA LUMPUR**  
(u.p.: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)

No. Telefon : 03-2081 6000  
No. Fax : 03-2694 1170/ 1180

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”***



( **DATUK ARPAH BINTI ABDUL RAZAK** )  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**6** Jun 2012

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan